

Selia Group sumbang RM100,000 kepada golongan berpendapatan rendah

GOMBAK 6 April - Sebanyak 96 keluarga berpendapatan rendah di sekitar kawasan ini dan Kelana Jaya dipilih untuk menerima sumbangan bernilai RM100,000 daripada Selia Group yang akan disalurkan melalui program 'Love My Neighbourhood' kendalian MyKasih Foundation.

Pengerusi Selia Group, Tan Sri Subhan Jasmon berkata, MyKasih Foundation dipilih sebagai pengendali sumbangan itu kerana ia dapat disalurkan terus kepada kumpulan sasaran tanpa perlu menunggu proses birokrasi yang memakan masa.

Jelasnya, hanya golongan ibu daripada setiap kumpulan sasaran akan didaftarkan sebagai penerima bantuan itu dan mereka dibenarkan membuat pembelian barang keperluan harian bernilai RM80 sebulan selama setahun di pasar raya yang menyediakan kaunter untuk penerima bantuan MyKasih.

"Mereka yang menerima bantuan perlu menunjukkan MyKad apabila membuat pembelian dan bil akan diserahkan kepada MyKasih Foundation untuk pembayaran," katanya pada sidang akhbar mengenai perkara itu, di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyerahan replika cek bantuan itu kepada MyKasih Foundation di pasar raya besar



DR. Rebecca Fatima Sta Maria (tengah, baju merah) bersama wakil Selia Group, MyKasih Foundation dan keluarga yang menerima sumbangan di Gombak, kelmarin.

Giant Batu Caves.

Turut hadir Pengarah MyKasih Foundation, Datuk Dr. Rebecca Fa-

tima Sta Maria.

Pada majlis itu, Selia Group turut melancarkan Tabung Pelajaran Ko-

lej Universiti City Bagi Sains dan Teknologi dengan dana RM3 juta untuk meringankan beban peneri-

ma bantuan MyKasih yang ingin melanjutkan pengajian di universiti milik syarikat itu.